

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

A vibrant watercolor splash background in shades of green, yellow, orange, and blue, centered on a white background. The splash is composed of various brushstrokes and color blends, creating a soft, artistic effect.

PEMBANGUNAN INSTITUSI PELADANG

LAPORAN TAHUNAN 2011

13. PEMBANGUNAN INSTITUSI PELADANG

Fungsi pembangunan institusi peladang adalah sejajar dengan visi LPP sebagai peneraju transformasi PP dan peladang progresif dalam sektor pertanian manakala misi LPP untuk membangunkan Pertubuhan Peladang (PP) sebagai pemberi perkhidmatan yang berkesan bagi melahirkan peladang progresif.

Prestasi pembangunan institusi peladang meliputi sosioekonomi PP yang melibatkan kemajuan pembangunan dan sosial di 208 buah PPK, 13 buah PPN dan 1 Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) adalah sehingga 31 Disember 2011. Kesemua institusi tersebut adalah di bawah penyeliaan

terus LPP dan tidak termasuk PPK di MADA, KADA dan Sarawak.


- **Isipadu Perniagaan Pertubuhan Peladang (PP)**

Aktiviti perniagaan berasaskan pertanian (input pertanian dan pemasaran) merupakan perkhidmatan utama yang disediakan oleh PP (NAFAS, PPN dan PPK), kepada ahli peladang dan menjadi penyumbang terbesar kepada isipadu perniagaan PP. Pada tahun 2011, isipadu perniagaan PP seperti di **Jadual 27** dan **Carta 12**.

JADUAL 27 : PENCAPAIAN ISIPADU PERNIAGAAN PP DI BAWAH PENYELIAAN LPP TAHUN 2007 HINGGA 2011

Pertubuhan Peladang	Nilai Isipadu (RM juta)				
	2007	2008	2009	2010	2011
PPK	904.14	785.55	824.83	874.3	1,393
PPN	628.06	540.13	567.13	601.2	910.39
NAFAS	1,369.0	1,164.62	1,222.53	1,295.9	1,334
JUMLAH	2,901.2	2,490.3	2,614.49	2,771.4	3,637.39

CARTA 12 : PECAHAN ISIPADU PERNIAGAAN PP DI BAWAH PENYELIAAN LPP TAHUN 2011



- **Keahlian Pertubuhan Peladang**

Jumlah ahli peladang di bawah pengendalian LPP sehingga akhir tahun 2011 adalah seramai 542,756 orang. Kempen dan promosi diadakan bagi meningkatkan keahlian di PPK, khususnya dari golongan belia melalui program Kor Tani.

- **Kedudukan Modal Saham Pertubuhan Peladang**

Berakhir 31 Disember 2011, jumlah modal saham terkumpul bagi PP (NAFAS, 13 buah PPN dan 208 buah PPK) ialah RM185.97 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 14 % berbanding tahun 2010 seperti di **Jadual 28**.

JADUAL 28 : KEDUDUKAN MODAL SAHAM PP (2007 – 2011)

Pertubuhan Peladang	Nilai (RM Juta)				
	2007	2008	2009	2010	2011
PPK	73.65	81.76	92.82	106	112
PPN	25.30	25.42	30.75	37.33	50.06
NAFAS	8.92	10.00	12.39	19.93	23.91
JUMLAH	107.87	117.18	135.96	163.26	185.97



- **Struktur Pergerakan PP Tiga Peringkat**

Struktur pergerakan PP tiga peringkat terdiri dari NAFAS di peringkat nasional, 14 PPN di peringkat negeri dan 276 PPK di peringkat kawasan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 291 buah. Melalui jaringan PP tiga peringkat ini adalah diyakini akan berlakunya peningkatan dalam urusniaga berkumpulan dan gabungan yang akhirnya memperkukuhkan pergerakan PP dari perspektif pembangunan ekonomi dan sosial. Struktur pergerakan PP tiga peringkat adalah seperti di **Rajah 4**.

